

A. Teliti maklumat dibawah, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.



Biodata penerima anugerah:

- Amalina binti Hussin
- Tahun 6 Didik
- Tempat pertama dalam peperiksaan
- Johan pidato peringkat negeri
- Olahragawati sekolah

Apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh penerima Anugerah Murid Cemerlang ini?

B. Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

untuk
dengan

pada
agar

serta
kerana

sejak
tetapi

_____ hujung minggu yang lalu, murid-murid tahun enam SJK (C) Bukit Lambak dibawa melawat ke Muzium Sultan Abu Bakar. Tujuan lawatan tersebut diadakan adalah _____ memberi pendedahan kepada murid-murid tentang sejarah-sejarah yang terdapat di negeri Johor.

Seramai 40 orang murid dan dua orang guru pengiring telah mengikuti lawatan tersebut. Mereka ke sana _____ menaiki bas. Murid-murid kelihatan sangat seronok _____ dapat ilmu yang baharu. Mereka berharap agar lawatan seperti ini dapat diadakan lagi selepas selesai Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).